



Jurulatih Kejayaan #1 Asia

25 | HIDUP FORMULA | LUAR BIASA

Edisi Terkini

**ASRAFF AYOB
AZIZAN OSMAN**

FORMULA TRANSFORMASI KEJAYAAN DAN KEBERKATAN



BERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YATASAN
KEPIMPINAN
BERDANA



Kenali Dr Azizan Osman

Dr Azizan Osman merupakan Mentor Usahawan & Pemasaran, Jurulatih Potensi Diri, Wang & Bisnes No.1 Asia yang telah membantu lebih 1 juta orang dari Malaysia, Singapura, Brunei, Thailand dan Indonesia untuk menguasai potensi diri, kewangan dan perniagaan melalui perkongsian beliau di media sosial, blog, buku dan seminar.

Dr Azizan Osman telah merintis pelbagai program pembangunan peribadi dan latihan keusahawanan tempatan yang telah menyentuh kehidupan lebih satu juta orang daripada semua lapisan masyarakat sejak penubuhannya pada tahun 2008.

Misi beliau adalah menumpukan kepada pembangunan diri, bisnes dan tahap kewangan terutamanya di kalangan bumiputera yang jauh ketinggalan di dalam kemajuan socio-ekonomi semasa di negara ini, bercambah hasil daripada pengalaman peribadi beliau ketika menghabiskan lebih dari satu dekad dalam membina perniagaan beliau bermula daripada ketika beliau dibelenggu masalah hutang dan cabaran kewangan.

Beliau terbukti berjaya membantu ramai pemilik perniagaan kecil dan sederhana membina perniagaan mereka bermula daripada kosong sehingga mampu mencapai jualan mencecah jutaan dan puluhan juta ringgit setahun.

Dr Azizan merupakan inspirasi usahawan dan berjaya mewujudkan satu fenomena bangkit berniaga yang semakin meningkat di Malaysia dan Asia. Kita telah dapat melihat dalam tahun-tahun kebelakangan ini, minat yang semakin mendalam dalam kalangan ramai rakyat Malaysia terutamanya masyarakat Melayu yang kini mula menceburi pelbagai perniagaan, membina kekayaan dan peluang pelaburan yang terdapat di pasaran dalam dan luar negara tanpa meninggalkan nilai-nilai penting sebagai seorang Islam dengan menjaga perhubungan dengan Tuhan serta menyumbang kembali kepada mereka yang memerlukan.

Buku 'Beat The Curve' tulisan beliau bersama Brian Tracy, penulis dan perunding motivasi antarabangsa diiktiraf sebagai Best-Seller di Amazon pada tahun 2016. Dr Azizan juga mempunyai lebih 10 buah buku yang terlaris antaranya adalah buku 'Magnet Kekayaan & Kejayaan, Kuasai Pemasaran Rahsia Menarik Pelanggan, Kuasai Pemasaran Facebook, 21 Formula Hidup Luar Biasa, Kenapa Saya Mahu Anda Berjaya dan Mudahnya Berniaga.'

Di samping mengasaskan Kumpulan Syarikat Richworks yang terlibat di dalam bidang pengiklanan, perundingan, pemasaran, penerbitan, teknologi maklumat, pengurusan acara, perkhidmatan korporat, pendidikan, hartanah dan pelaburan di samping bimbingan dan latihan, beliau juga telah mengasaskan SEED Business College, sebuah Institusi pengajian tinggi yang menawarkan program keusahawanan untuk melatih dan membina bakal usahawan muda dan berjaya.

Dr Azizan percaya dengan prinsip sebagaimana hadis Rasulullah SAW, "Sebaik-baik manusia adalah manusia yang memberi manfaat kepada ramai orang lain," (HR. Ahmad)

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.AzizanOsman.com.

9/5/2024
TDM
FOC

TAHNIAH
kerana telah memiliki buku



Jurulatih Kejayaan #1 Asia

25 **HIDUP**
FORMULA **LUAR**
BIASA
Edisi Terkini



Buku ini saya dedikasikan untuk

.....

Semoga segala ilmu di dalamnya
memberi sejuta manfaat
kepada kita semua
di dunia dan akhirat.





Jurulatih Kejayaan #1 Asia

25 **HIDUP** **FORMULA** **LUAR** **BIASA**

Edisi Terkini

ASRAFF AYOB
AZIZAN OSMAN

FORMULA TRANSFORMASI KEJAYAAN DAN KEBERKATAN

PUSTAKA PERDANA



1013554

RICHWORKS PUBLICATIONS

2017

Hak cipta terpelihara, tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis Richworks Publications Sdn Bhd.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-penerbitan

Azizan Osman, 1974- :

25 Formula Hidup Luar Biasa / Azizan Osman

ISBN 978-967-0703-14-5

1. Motivation (Psychology) 2. Motivation (Psychology)--Religious aspects--Islam

3. Success. I. Judul

158.1

Penerbitan sedaya upaya memastikan buku yang diterbit ini berautoriti dalam topik yang dibincangkan. Penerbit dan penulis buku tidak boleh menganggap memberikan khidmat perundangan atau khidmat profesional yang lain kepada pembaca. Sekiranya memerlukan khidmat dan bantuan pakar, sila dapatkan nasihat bertauliah dan berkelayakan.

Diterbit / Dicetak / Diedar Oleh	Richworks Publications Sdn Bhd No 77, Jalan Badminton 13/29 Seksyen 13, 40100 Shah Alam Selangor Darul Ehsan Tel : +603 5523 1666 Fax : +603 5523 9961 www.richworks.com.my
Penasihat Penerbitan	Zafrol Rizal Bin Mat jerry@richworks.com.my
Editor Pengurusan	Om Karini karini@richworks.com.my
Susun Atur	ABC Mediaworks Sdn Bhd enquiry.abcmmedia@gmail.com
Kulit / Grafik	ABC Mediaworks Sdn Bhd enquiry.abcmmedia@gmail.com
Penulis	Asraff Ayob Azizan Osman

KANDUNGAN

BAB 1	
<i>The Power of Sedekah</i>	1
BAB 2	
<i>The Power of Seikhlas</i>	29
BAB 3	
<i>The Power of Serah</i>	45
BAB 4	
<i>The Power of Syukur</i>	69
BAB 5	
<i>The Power of Semangat</i>	95
BAB 6	
<i>The Power of Sabar</i>	111
BAB 7	
<i>The Power of Salam</i>	131
BAB 8	
<i>The Power of Sayang</i>	145
BAB 9	
<i>The Power of Segera</i>	163
BAB 10	
<i>The Power of Sejahtera Jiwa</i>	181
BAB 11	
<i>The Power of Selawat</i>	197
BAB 12	
<i>The Power of Senyum</i>	211
BAB 13	
<i>The Power of Servicing Others</i>	225

BAB 14	
<i>The Power of Siddiq</i>	243
BAB 15	
<i>The Power of Silaturrahim</i>	257
BAB 16	
<i>The Power of Suasana</i>	271
BAB 17	
<i>The Power of Suci</i>	287
BAB 18	
<i>The Power of Sujud</i>	303
BAB 19	
<i>The Power of Sunnah</i>	327
BAB 20	
<i>The Power of Syafaat</i>	347
BAB 21	
<i>The Power of Submission : Doa</i>	365
BAB 22	
<i>The Power of Sahabat</i>	391
BAB 23	
<i>The Power of Sifu</i>	405
BAB 24	
<i>The Power of Sharing</i>	415
BAB 25	
<i>The Power of 'Switch'</i>	429

Prakata

Disember 2013

Seminar IMKK, Stadium Melawati, Shah Alam.

“Ustaz, Doc nak jumpa ustaz sekarang kat belakang”, Puan Reena, pengurus Dr. Azizan Osman memanggil saya yang ketika itu sedang beransur keluar bersama lebih kurang enam ribu peserta seminar yang lain.

Dr. Azizan mahu saya menyertainya makan tengahari bersama. Sambil menyantap, kami seronok bercerita & bertukar pandangan tentang keterujaan peserta seminar hari itu.

“Doc, saya fikir poin syukur, sabar & senyum yang doc huraikan tadi paling *best*”, saya menekankan kandungan paling bermakna dari sesi pagi. Saya tidak tahu apa pandangan peserta lain tetapi sungguh, poin yang Dr. Azizan kupas amat mempengaruhi minda saya sekarang.

Dr. Azizan tersenyum dengan tangannya laju menambah juadah sambal udang di hadapannya. Sedap agaknya. Jerry, mastermind Richworks menambah, “Betul tu ustaz, baru diorang ni senyum sikit. Kalau tak muka kelat je masuk seminar”.

Sambil mengangguk tanda bersetuju, saya bahagia memerhatikan wajah ceria Jerry. Tentu beliau lebih faham kuasa senyuman kerana ia jarang lekang dari wajahnya.

Kami terus bersembang. Saya mencadangkan, “Elok semua poin yang Doc kata tadi dibukukan sebab saya rasa, itulah *power* sebenarnya untuk kita menarik kekayaan, kejayaan & kebahagiaan”.

Para pembaca budiman, ini *why factornya*. Inilah tujuan utama penulisan buku ini. Ia perlu benar-benar bermakna. Kandungannya mestilah mampu menginspirasi anda untuk hidup lebih luar biasa.

Saya sedar, hidup luar biasa bermula dari hati yang luar biasa. Bak pesan Junjungan mulia, Rasulullah SAW:

“Ingatlah bahawa di dalam jasad itu ada segumpal daging. Jika ia baik, maka baik pula seluruh jasad. Jika ia rosak, maka rosaklah seluruh jasad. Ketahuilah ia adalah hati.”

(Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

Ucapan Rasul ini telah menjadi pusat penulisan buku ini. Saya tertarik untuk memulakan perbincangannya dari hati, dari rohani. Ia adalah pusat *connection* antara kita dengan Maha Agung. Untuk menjadi manusia berprestasi luar biasa, kita perlukan hati yang suci. Hati yang jernih, bersih, kuat & positif. Hati yang dipenuhi ‘taman bunga’ di dalamnya.

Di sinilah anda akan menemui manfaat buku ini. Mudah-mudahan ia menjawab persoalan di atas, bagaimana hati suci mampu menjadikan kita manusia luar biasa. Apa yang lebih utama, bagaimana hati suci mudah diraih. Begitulah harapan kami.

Tetapi di sinilah juga cabarannya bermula. Untuk menjernihkan hati, ia tidak semudah memasukkan perisian *Windows* ke komputer baru. Manusia bukannya robot yang boleh diprogramkan untuk berfungsi dengan stabil. Kita amat unik kerana memiliki hati yang mampu menyimpan rasa & emosi. Kerananya juga kita mudah bertukar pendirian. Sesuailah dengan gelarnya, *al-Qolb* yang berasal dari kata Arab, ‘*Qo-la-ba*’. Maksudnya, ‘berbolak-balik’. Pagi kita rajin semacam, petang kita tersandar malas di sofa.

Maknanya, di sebalik segala kelebihan hati untuk merasa, ia punya tabiat unik iaitu '*taqallub*' iaitu 'cepat bertukar'.

Kerana itu hati perlu diluruskan *settingnya*. Orang putih kata *fine tune*. Kita perlu menguasai ilmu & kaedah yang boleh menghilangkan segala keladak hati, sucikannya dan seterusnya menguatkan hati dengan perisian khas yang *power* agar ia kekal stabil dan berprestasi luar biasa. Sesuai dengan pesan Rasul tadi, apabila hati manusia luar biasa, pasti hidupnya luar biasa. Segalanya di puncak. Segalanya nikmat. Tuhan redai, manusia sukai.

Para pembaca yang dihormati,

Disebabkan misinya amat mulia, saya memulakan *journey*, penulisan buku ini dengan penuh semangat walaupun sedar, pendakiannya amat tinggi. Sejak awal Januari 2014, saya mula menjelajah internet, kedai buku & perpustakaan, mencari buku & idea tentang kaedah menata hati. Ribuan ringgit & ratusan jam dihabiskan untuk itu. Puluhan individu telah saya temui untuk mendapatkan kearifan serta panduan. Tafsir al-Qur'an & kitab hadis tersusun tinggi di tepi meja penulisan buat bekalan idea.

Dr. Azizan Osman sejak awal telah menyediakan formulanya. Pada asalnya ia terdiri daripada 13 formula sahaja tetapi sepanjang *Brainstorming* kami, ia bertambah menjadi 25. Kesemua formula ini bukan dikumpulkan atas tekaan kosong. Ia berasal dari kearifan yang kami rangkumkan berdasarkan faktor kejayaan manusia luar biasa dari al-Qur'an serta segala yang diaplikasikan oleh Baginda Rasulullah SAW, para sahabat, para auliya, para solihin & alim ulama.

Berdasarkan kedua sumber utama di atas, kami kemudiannya mengkayakan penerangannya dengan ilmu & pengalaman hidup, kami berguru dari mereka yang alim serta mendalam hikmahnya. Dr. Azizan juga amat banyak berkongsi poin hasil dari pengkajian

beliau tentang pemikiran & cara hidup mereka yang berjaya, bukan setakat dari sudut kewangan tetapi juga keberkatan hidup.

Semua pegangan & kepercayaan hidup mereka kami soroti. Segala nasihat mereka kami amati. Kemudian kesemua itu kami kongsikan dalam buku ini.

Saya juga banyak menyelitkan intipati hikmah yang dipelajari dari Dr. Azizan Osman sepanjang menghadiri dua seminarnya : Intensif Magnet Kekayaan & Kejayaan (IMKK) & Rahsia Kuasa Minda Jutawan (RKMJ). Ini kerana saya dapati, segala perbincangan kedua seminar tersebut amat selari dengan perspektif al-Qur'an, sunah & hadis yang saya pelajari dari para ulama & solihin selama lebih 10 tahun di Malaysia dan juga di Mesir.

Berbekalkan semua input di atas, saya mula menulis buku ini. Kerap juga saya gandingkan kebenaran hikmahnya dengan pengalaman diri untuk menunjukkan kepada anda, 25 formula dalam buku ini terbukti berkesan. Jika ia mampu mengubah hidup saya & Dr. Azizan, pasti ia juga mampu mendatangkan kesan besar kepada perubahan hidup anda.

Walaupun begitu para pembaca semua, penulisan buku ini mengambil masa lebih panjang dari yang disangkakan. Masalahnya bukan kerana tidak cukup idea atau fakta, tetapi soal rasa. Saya sedar, buku ini ditujukan kepada hati, maka ia perlu ditulis dari hati. Jika kita ingin menanam bunga di taman hati orang lain, hati kita mestilah penuh berbunga. Saya perlu belajar menata & membersihkan hati dahulu. Kerana itu, apabila saya merasakan tulisannya tidak hadir dari kesedaran, saya akan menulisnya semula dan proses ini berulang berkali-kali.

Memang secara zahir, ia agak memerihkan. Tetapi benarlah, apabila kita mulakan sesuatu dengan *why* yang jelas, Tuhan pasti datangkan kekuatanNya kerana sungguh aneh, walaupun babnya bertambah & proses penulisan agak rumit, namun bebannya

terasa semakin ringan. Nampaknya sepanjang perjalanan penulisan ini, ia telah pun membantu saya mencapai tujuannya : erti hidup luar biasa.

Para pembaca mulia,

Saya ingin mohon maaf. Saya terpaksa menghentikan pengalaman *journey* penulisan buku ini ketika anda masih menikmatinya. Kita punya perkara lain yang lebih utama iaitu menggali hikmah buku ini.

Walaupun saya sedar bukunya agak tebal, 25 bab semuanya, anda tidak perlu kkuatir. Bicaranya segar, mudah & santai. Anda akan lebih banyak tersenyum berbanding serius. Barangkali juga, anda akan kerap menangis kerana pencerahannya. Teruskan pembacaan kerana saya jamin, apabila anda selesai membaca satu bab, hati akan tertarik untuk menghabiskan baki 24 *power* seterusnya.

Bab dalam buku ini tidak disusun mengikut prioriti kerana semuanya penting. Anda wajib menghadam keseluruhannya. Walau bagaimanapun, agar hati cepat terinspirasi, saya cadangkan anda baca bab ini dahulu :

1. *The power of Sedekah*, terutamanya poin nombor empat pada hujung bab.
2. *The power of Seikhlas*. Hayati kisah awal dan akhirnya.
3. *The power of Serah*. Anda bakal terpesona dengan kisah bantuan Tuhan di tanah suci.
4. *The power of Syukur*, keseluruhannya.
5. *The power of Semangat*. Pelajari sesuatu yang luar biasa dari seorang macik biasa.

Kemudian, jangan lupa menyapa saya di :

YouTube : Asraffayob

Facebook : UstazAsraff

Twitter : @asraffAyob

Emel : Asraff2@yahoo.com

Kerana buku ini hanya kupasan awal. Ada banyak lagi pencerahan yang akan dikongsikan di sana.

Para pembaca budiman,

Sejuta kesyukuran & terima kasih saya sampaikan kepada Tuhan ar-Rahman & ar-Rahim atas segala nikmat & kurniaan-Nya. Dia sentiasa menemani & mencurahkan idea ketika saya terperangkap di hujung jalan, tidak tahu apa lagi hendak dicoretkan.

Terima kasih & selawat penuh penghormatan kepada Junjungan besar, Rasulullah SAW Pemikiran & akhlak Baginda banyak mencorakkan hala-tuju buku ini.

Terima kasih tidak terhingga saya ucapkan kepada Dr. Azizan Osman atas peluang serta dorongan yang diberikan. Dari beliau idea buku ini tercipta. Dari beliau beribu inspirasi terjana. Juga kepada seluruh warga Richworks, kalian bertuah kerana banyak menyebar berkah kepada sesama insan.

Mak & abah, terima kasih atas segalanya. Wahai Tuhan ar-Rahman, jika ada pahala amal jariah dari buku ini, jangan masukkannya dalam *baggage* angah, tetapi sampaikanlah kepada kedua-dua insan mulia ini. Lindungi mereka, kasihi & kasihani mereka serta masukkanlah mereka dalam daftar senarai penduduk syurga-Mu, Amin.

Terima kasih yang paling dalam kepada isteriku, bidadari tercinta, Siti Ujila Masuri serta dua buah hati kami, Aliya Altafunnisa & Aqif Furqan. Ketiga-tiga mereka mengajar saya bahawa kebahagiaan tidak terletak di *mall* yang megah & tinggi

tetapi di rumah *baiti Jannati* yang sentiasa bising dengan suara tawa, gaduh teriakan kecil & riuh ceria mereka.

Saya juga tidak lupa menyampaikan penghargaan tinggi kepada berpuluh-puluh manusia mulia lain yang menyumbangkan idea secara langsung & tidak langsung. Maaf, nama mereka tidak dapat disebutkan satu-persatu di sini. Tetapi saya yakin, mereka lebih suka kekal berstatus *unknown* kerana Tuhan telah pun mengenalpasti mereka. Tuhan telah berikan ganjaran-Nya.

Juga kepada anda, saya ucapkan terima kasih kerana sudi membaca buku ini. Maafkan saya atas segala kekurangan & kesilapan. Sampaikan pujian kepada Tuhan apabila manfaatnya menyapa hati anda.

Akhirnya, kepada Allah Ta'ala saya pohon keampunan bagi segala kesilapan.

“Wahai Tuhan kami, janganlah Engkau hukum kami jika kami lupa dan kami bersalah. Wahai Tuhan kami, janganlah Engkau bebankan kami dengan bebanan besar sebagaimana Engkau bebankan kepada mereka sebelum kami. Ya Tuhan kami, janganlah Engkau pikulkan kepada kami sesuatu yang tidak sanggup kami memikulnya. Maafkanlah kami.”

(Surah al-Baqarah, 286)

Selamat membaca & saya berdoa agar kebahagiaan, kekayaan, kejayaan, kesihatan & keberkatan sentiasa Tuhan curahkan dalam hidup anda.

Wahai Tuhan Ya Arhamar Rohimin, perkenalkanlah. Allahumma Amiiin.

Ustaz Hj. Mohammad Asraff Ayob Al-Hafiz

20 Oktober 2014

Mulakan Di Sini

Anda pernah duduk di satu sudut di ruang bilik anda dan berfikir merenung diri serta meratapi kehidupan anda yang tidak ada perubahan?

Anda pernah duduk berfikir apakah sebabnya hidup anda tidak tenang, tidak gembira, tidak bahagia?

Anda pernah tidak tidur malam berbaring sambil meletakkan belakang tangan ke dahi risau tentang tekanan kewangan atau tekanan hidup yang anda sedang lalui?

Anda rasa hidup anda sangat kucar-kacir, masalah datang bertubi-tubi kepada anda dan anda sudah hampir berputus asa dengan diri anda. Anda tidak faham kenapa anda sentiasa menjadi mangsa kepada keadaan. Kenapa anda sentiasa berada di tempat yang salah pada waktu yang salah? Kenapa anda dianiaya?

Itulah apa yang pernah saya lalui.

Jalan jauh dan penuh liku yang pernah saya redah satu masa dahulu. Teraba-raba mencari arah dan pegangan umpama berjalan dalam malam kelam melalui jalan yang tidak tahu di mana penghujungnya serta apakah *surprise* yang bakal menjelma.

Pernah alami perasaan begitu? Saya pernah melaluinya berulang-ulang kali satu masa dahulu.

Perjalanan hidup saya penuh dengan onak dan duri. Perkahwinan saya yang terdahulu porak-peranda. Pernah cuba pelbagai perniagaan tetapi gagal. Pernah hampir jadi bankrap. Tahap kewangan yang melarat dan pelbagai cabaran pada awal waktu saya mula menceburi perniagaan.

Saya dahulu percaya, sekiranya aku kaya, aku pasti mampu membeli segalanya termasuk kasih sayang, masa dan impian. Sebahagiannya adalah benar, tetapi ia tidak benar sekiranya anda tidak mempunyai kefahaman yang tinggi tentang keseimbangan hidup.

Saya melalui fasa hidup jatuh bangun yang intensif.

Masalah tentang perjalanan kehidupan sebelum anda menemui jalan yang benar adalah anda akan cuba bina kemudian anda akan jatuh, jatuh, jatuh, bangun sikit, jatuh, jatuh, jatuh, jatuh lagi sampai anda hampir tidak mampu bangkit lagi. Hanya yang benar-benar kuat dan teguh pegangannya, mampu bangkit semula walaupun kita tidak tahu apa yang ada di hadapan yang akan menjatuhkan kita semula.

Saya mula berniaga sejak di UiTM ketika zaman diploma lagi untuk mendapatkan duit belanja. Cukuplah untuk sara diri kerana keluarga saya bukan orang senang.

Dulu saya fikir, mak dan ayah saya bukan orang kaya sebab itulah mereka hanya dapat menyara saya, bergolok bergadai menyekolahkan kami lima beradik sekadarnya sehingga ke tahap yang kami mampu.

Tetapi hari ini saya sedar, bukan mak dan ayah saya yang tidak mampu berikan lebih banyak wang kepada saya kerana ayah saya bekerja sebagai juruteknik Jabatan Parit dan Tali Air (sekarang Jabatan Pengairan dan Saliran). Sebenarnya, Tuhan sengaja menjadikan keadaan saya begitu. Dia ingin melihat bagaimana saya bangkit menjadi orang yang berjaya mengatasi situasi tersebut dan membanggakan mak dan ayah saya suatu masa nanti.

Hari ini, anak-anak saya tidak diajar bahawa kita kaya dan mereka boleh belanja sesuka hati mereka. Anak-anak saya perlu menghabiskan pelajaran di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Agama sebelah petangnya. Mereka perlu *score*

UPSR mereka dengan cemerlang bukan kerana mereka mesti dapat 6A atau 17A, tetapi bagi menunjukkan mereka komited dan bertanggungjawab untuk memberikan yang terbaik dalam setiap tugas mereka.

Apabila tiba waktu mereka menjejaki sekolah menengah, saya tidak hantar mereka ke sekolah antarabangsa walaupun kami insya-Allah mampu, tetapi mereka dihantar ke Madrasah Pondok di kawasan perkampungan yang susah. Kenapa? Kerana itu namanya proses didikan hati. Saya percaya dengan cara mendidik anak jauh daripada kemewahan, mereka tahu bahawa mereka bertanggungjawab membina tahap kehidupan yang mereka mahukan satu hari nanti dengan bimbingan kami, ibu bapa mereka, insya-Allah.

Kunci kepada segala kebahagiaan, ketenangan, keberkatan dan kejayaan dunia akhirat terletak pada hati atau bahasa yang saya selalu sebut dalam seminar Intensif Magnet Kekayaan dan Kejayaan (IMKK) sebagai 'Kolam Jiwa'.

Saya umpamakan 'Kolam Jiwa' atau hati manusia ini umpama magnet. Bayangkan kolam jiwa ini umpama satu kolam takungan air dan airnya penuh dengan sampah sarap, kekotoran, bau busuk seperti bangkai dan berkeladak hitam. Apakah jenis makhluk yang akan datang dan tinggal di dalamnya atau mendekatinya? Pasti makhluk yang suka kepada keadaan yang kotor dan busuk bukan? Ia pasti dijauhi makhluk dan manusia yang tidak suka kepada bau busuk dan kekotoran. Malah, ia boleh mendatangkan pelbagai jenis penyakit.

Tetapi cuba bayangkan jika kolam tersebut airnya bersih, sentiasa bersih dan lagi bagus jika ia adalah kolam tadahan air bersih yang disalurkan untuk mengairi kawasan pertanian. Ia menjadi punca air kepada ramai manusia. Bukankah kolam tersebut akan menarik banyak kebaikan kepadanya? Sebaik-baik

manusia adalah manusia yang bermanfaat kepada ramai orang dan bukan sekadar hidup mementingkan dirinya. Kolam jiwa yang bersih bukan sahaja memberikan ketenangan atau kebahagiaan kepada pemiliknya tetapi ia menjadi asbab kepada kebahagiaan ramai orang lain.

Kebangkitan hidup saya yang sebenar bukanlah ketika saya berjaya menjadikan perniagaan pengiklanan dan pemasaran saya bernilai jutaan ringgit sejak 2001. Itu mungkin kebangkitan daripada segi kewangan, tetapi belum mencapai tahap kebahagiaan dan merasai keberkatan-Nya.

Ketika itu, syarikat saya menguruskan projek pengiklanan dan pemasaran untuk prinsipal saya bagi pihak syarikat-syarikat telekomunikasi seperti Telekom Malaysia, TMNet (waktu itu), Celcom dan Digi di Malaysia dan Singtel serta Starhub di Singapura. Saya juga menguruskan projek pemasaran untuk syarikat perbankan seperti HSBC Bank dan Standard Chartered serta projek-projek lain yang portfolionya mencecah jutaan ringgit setahun dari 2001-2008.

Alhamdulillah, ia adalah kejayaan demi kejayaan bagi saya, *travel* dalam dan luar negara, bercakap di konvensyen luar negara, duduk di hotel-hotel enam mahupun tujuh bintang di banyak kota seperti Dubai, London, Sydney, Melbourne, Jakarta, Hong Kong, Macau, Shenzen dan berada di kalangan mereka yang berjaya dalam kewangan. Ia merupakan fasa lonjakan hidup dan kewangan yang mampu meleakakan jiwa yang kurang kuat dekat dengan-Nya.

Ketika itu, *of course* saya berjaya secara lahiriah dan material serta menjadi *breakthrough* buat bisnes saya kerana sebelum tahun 2001, perniagaan saya sangat teruk. Itu ialah fasa pertama selama beberapa tahun selepas saya mula menceburi perniagaan secara sepenuh masa. Mereka yang pernah membaca kisah saya pasti tahu bagaimana saya mencuba pelbagai jenis perniagaan tetapi jatuh

bangun bersilih ganti sehingga hampir tergadai rumah mak dan ayah kepada skim cepat kaya Y2K pada tahun 2000 dan pelbagai skim cepat kayap lain. Di antaranya ialah projek burung unta di Australia; akhirnya burung ke mana, unta pun ke mana.

Fasa kedua perniagaan saya ialah dari tahun 2001 ke awal tahun 2008. Ia penuh dengan kesibukan bekerja dari awal pagi sehingga pukul 2 atau 3 pagi dan kemudian keluar semula seawal 6 pagi.

Ketika itu, rezeki kewangan mula menerjah masuk melimpah ruah, pengiktirafan prestasi, limpahan kewangan datang dengan banyaknya tetapi jiwa saya merasa kosong. Solat bukan keutamaan saya, bersyukur jauh sekali, sedekah sekali-sekala, berselawat bila ingat dan semakin hari, ia semakin parah.

Saya dibesarkan dengan didikan awal agama yang agak bagus dari ayah dan mak saya selain daripada bersekolah agama Johor walaupun paginya saya bersekolah Cina.

Ketika kecil, solat berjemaah dan menghadiri majlis ilmu adalah sesuatu yang ayah saya akan seret saya untuk lakukan. Ayah saya juga suka menghadiri majlis-majlis zikir dan ia sedikit sebanyak menjadi kebiasaan saya ketika kecil dan membesar. Saya juga aktif berguru mendekati ilmu tauhid untuk kenal siapa Tuhan dan ilmu tasawuf untuk kenal siapa diri kita selain ilmu fekah tentang bagaimana untuk beramal.

Itulah proses didikan awal saya. Jadi, apabila saya berada dalam keadaan yang berjaya secara material tetapi jiwa saya kosong, ia semakin lama semakin menyesak jiwa. Hati saya selalu menangis, rindu kepada-Nya dan kepada Rasulullah SAW.

Kemudian, saya mula berfikir-fikir dan berkira tentang erti kejayaan yang saya raih ketika itu. Saya rasa kosong di dalam.

Pada tahun 2007, saya telah mencapai tahap tertinggi dalam perniagaan saya apabila saya mendapat pengiktirafan menjadi

Ketua Organisasi Malaysia di bawah prinsipal saya menguruskan hampir 1,500 orang di bawah organisasi kami.

Ia adalah satu pencapaian yang besar bagi organisasi prinsipal saya yang memiliki beribu pejabat di United Kingdom serta mempunyai perniagaan di hampir 25 buah negara ketika itu. Saya menjadi satu-satunya anak Melayu yang pernah mencapai tahap tersebut. Saya hanya ada satu langkah sahaja lagi untuk mencapai impian menjadi *Vice President* Asia untuk organisasi prinsipal saya. Pencapaian yang menjadi impian ramai ketika itu. Ia bakal meletakkan saya pada kedudukan pertama di dunia; bukan sekadar sebagai jutawan tetapi juga memperoleh pengiktirafan dan kuasa.

Namun pada masa yang sama, jiwa saya semakin kosong dan jauh dari-Nya.

Pada awal tahun 2008, hati saya semakin rindu kepada-Nya dan kesibukan saya tidak memungkinan saya mendekati-Nya secara total. Sejak saya berniaga dari tahun 2001 sehingga waktu itu, saya gagal mengimbangkan kehidupan dan perniagaan saya. Perkahwinan saya ketika itu juga sudah hampir ke penghujungnya.

Mungkin pasti ada yang membaca ini akan berkata, “Sebab itulah aku tak nak kaya, nanti lupa diri!”, “Sebab itulah aku tak nak berniaga, nanti tidak ada masa dengan keluarga”, dan pelbagai persepsi negatif atau salah faham.

Itu jugalah persepsi saya ketika itu. Saya merasakan saya seorang yang gagal. Gagal mengimbangi hidup saya dan saya fikir, semuanya ini perlu dibetulkan.

Lebih tujuh tahun sibuk menjalankan perniagaan ketika itu membuatkan saya tidak pernah bercuti panjang. Bagi saya, sesiapa yang bercuti adalah orang yang tidak mementingkan kerjaya mereka. Itu persepsi saya. Tetapi pada awal tahun 2008, saya mula merasa sangat penat, *exhausted*. Saya rasa tenaga emosi saya telah kekeringan. Saya rasa jiwa saya sangat gersang. Saya rasa saya perlukan sedikit ruang untuk diri saya. Tetapi tekanan perniagaan

saya ketika itu adalah saya mahu membina organisasi saya ke tahap yang lebih tinggi serta melayakkan diri saya menjadi *Vice President*.

Keretakan perhubungan rumah tangga saya ketika itu menambah tekanan saya dan sesuatu telah berlaku ketika itu di dalam organisasi saya. Saya difitnah oleh orang kuat saya dan paling parahnya kesetiaan saya di dalam organisasi saya dipersoalkan oleh pihak atasan saya iaitu mentor saya selama saya bersama organisasi tersebut. Amat mengecewakan apabila bila kesetiaan saya selama beberapa tahun dipersoalkan.

Itulah antara saat-saat yang tidak dapat saya lupakan. Segalanya berlaku bertimpa-timpa serentak seperti dilanggar treler berkali-kali. Rasa dikhianati, rasa kecewa, rasa tidak dihargai dan pelbagai perasaan yang cukup menghiris hati. Pernah rasa begitu?

Ketika itu, pertama kali selama saya menguruskan perniagaan pengiklanan dan pemasaran serta sebagai orang yang paling penting mengetuai sebuah divisi yang besar, saya menghilangkan diri. Sesuatu yang saya tidak pernah lakukan selama tujuh tahun di mana saya membina perniagaan saya dari kosong hingga ke tahap tersebut. Ia benar-benar mencabar diri saya.

Saya menghilangkan diri hampir empat bulan. Saya bersendirian setiap hari. Saya *frust* seperti seorang yang putus cinta yang ditinggalkan oleh kekasih hatinya.

Saya rasa kehilangan dan *lost*. Setiap hari saya menghisap dua ke tiga kotak rokok. Saya tidak mahu berjumpa dengan sesiapa. Saya tidak mahu menjawab sebarang panggilan. Bila saya menghilangkan diri dan tidak dapat dihubungi, seluruh perniagaan saya dan kewangan saya yang melibatkan syarikat saya telah dibekukan oleh prinsipal saya kerana itu ialah terma kontrak syarikat kami. Hal itu menambah lagi kekecewaan saya. Saya hanya *survive* dengan sedikit duit simpanan yang saya ada.

Pada waktu itu, saya mula mencari diri saya dan mencari erti hidup saya. Ia satu fasa yang sukar.

Saya mula mendekati Allah SWT semula. Saya mula menjaga solat saya serta menghayatinya. Saya mula melakukan solat taubat setiap malam, menangis, menyesali setiap kesilapan saya. Saya mula bangun sepertiga malam membuat solat tahajud dan sujud kepada-Nya. Saya mula mengamalkan kembali zikir-zikir serta membaca al-Qur'an setiap pagi dan petang. Saya mula duduk lama selepas solat fardu. Saya mula mencari jalan dan cahaya untuk kembali kepada-Nya. Saya memohon bimbingan-Nya.

Semakin hari jiwa saya semakin tenang. Semakin hari, hati saya semakin kuat pertautan dan keyakinan saya kepada-Nya. Saya mula muhasabah perjalanan hidup saya selama ini dan betapa jauh saya dengan-Nya. Saya bukan seorang yang jahat tetapi saya pun bukan seorang yang baik kepada-Nya sedangkan Dia sangat baik kepada saya.

Dalam tempoh empat bulan tersebut, saya adalah seperti seorang yang bersuluk mengasingkan diri mencari cinta-Nya. Saya semakin nampak proses didikan hati daripada-Nya kepada saya. Saya semakin nampak kesilapan saya selama ini dan semakin jelas menyedari perubahan yang perlu saya lakukan agar saya sentiasa dapat mendekati-Nya.

Ketika itu, saya mula mendisiplinkan diri saya dengan beberapa perkara asas yang saya wajib lakukan setiap hari dalam usaha saya menjaga hubungan saya dengan-Nya. Kemudiannya, perkara-perkara asas tersebut menjadi antara formula penting yang membawa kehidupan saya, perniagaan dan kewangan saya serta kejayaan saya ke tahap yang lebih tinggi lagi tanpa perlu jauh daripada-Nya. Malah, semakin saya mendekati-Nya, saya dapati perjalanan hidup saya semakin dipermudahkan.

Pada pertengahan tahun 2008, saya membuat keputusan membatalkan kontrak perniagaan saya dengan prinsipal saya yang mana selama ini, syarikat saya bernaung di bawah mereka.

Keputusan itu menjadikan saya hampir bankrap. Tetapi saya nekad untuk membina syarikat agensi pengiklanan dan pemasaran saya sendiri dengan pengalaman saya bertahun-tahun membantu meletupkan pelbagai kempen pemasaran strategik di belakang tabir.

Ketika itu, saya kembali bermula seorang diri dan saya perlu bermula semula dari kosong sebagaimana pada awal tahun 2001. Tetapi berbezanya kali ini ialah Alhamdulillah, saya mempunyai ilmu dan pengalaman yang cukup untuk membina segalanya semula. Kali ini, saya memiliki kekuatan perhubungan yang lebih baik serta bimbingan daripada-Nya.

Segalanya berlaku dengan pantas. Selepas tujuh tahun tragedi yang berlaku kepada saya, saya bersyukur Alhamdulillah perniagaan kami telah mencapai tahap yang berkali ganda lebih baik daripada dulu. Kami mempunyai perniagaan dan pelaburan di dalam pelbagai jenis industri termasuk agensi pengiklanan berakreditasi 4A, syarikat yang terlibat dalam pengurusan acara, syarikat latihan dan kejurulatihan yang menjadi *passion* saya untuk membantu ramai usahawan berjaya di dunia dan akhirat dengan pengalaman saya selama ini, syarikat pelaburan hartanah, syarikat pengurusan dan perkhidmatan korporat, syarikat penerbitan dan terbaru penubuhan Kolej Keusahawanan saya sendiri di mana nilainya mencecah sembilan angka.

Bukan itu sahaja, saya hidup lebih bahagia hari ini bersama keluarga saya. Walaupun perkahwinan pertama saya gagal, tetapi Alhamdulillah, Allah SWT beri saya peluang untuk membina keluarga bahagia dengan isteri saya sekarang bersama anak-anak saya dari perkahwinan dahulu dan sekarang.

Dan perkara yang paling *best* tentang hidup saya hari ini adalah saya bersyukur dapat berkongsi manfaat kepada ramai orang lain yang ingin keluar daripada kesusahan hidup atau ingin meningkatkan taraf kehidupan dan kewangan seperti saya satu

masa dahulu. Kaedahnya ialah dengan berpegang pada 25 formula penting yang saya kongsi di dalam dewan-dewan seminar saya terutamanya seminar Intensif Magnet Kekayaan dan Kejayaan (IMKK) dan seminar Intensif Rahsia Kuasa Minda Jutawan (RKMJ).

25 formula yang dikongsi dalam bab-bab seterusnya diolah oleh Ustaz Haji Mohammad Asraff Ayob mengikut aplikasi kepada dirinya sendiri selepas beliau mempelajarinya dari seminar IMKK. Harapan saya, anda mudah memahaminya dan setiap formula ini sebenarnya Berasaskan al-Qur'an dan sunah serta hadis-hadis Nabi SAW dan Ustaz Asraff sebagai seorang yang menghafal al-Qur'an serta kefahaman ilmu agama yang tinggi, telah dapat membantu saya menjelaskan aplikasi formula-formula ini sebagaimana yang saya kongsi tetapi bersandarkan kepada al-Qur'an dan hadis. Insya-Allah.

Tetapi apa yang penting adalah bagaimana kita mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian agar kita mencapai kejayaan dan reda-Nya dunia akhirat.

Ini bukan buku agama tetapi ia buku formula untuk menghidupkan dan memperbaiki hati serta mencuci kolam jiwa kita agar hati kita sentiasa mendekati Allah SWT dan lantaran itu menarik lebih banyak kasih sayang-Nya serta reda-Nya.

Apabila reda dan kasih sayang Allah SWT kepada kita menjadi keutamaan hidup kita, saya dapati hidup kita akan menjadi lebih tenang dan keberkatan akan meluru datang melimpah ruah dalam hidup kita serta dalam setiap perkara yang kita lakukan.

Saya berharap anda hayati setiap formula ini sehingga habis dan jadikanlah ia pegangan hidup anda dan keluarga anda. Mudah-mudahan dengan menghayatinya, hidup kita semua akan lebih berjaya dunia dan akhirat, insya-Allah.

Mari kita bacakan surah al-Fatihah buat Baginda Rasulullah SAW, guru-guru yang membimbing saya selama ini, ibu bapa kita semua, ahli keluarga kita yang masih hidup atau yang telah

meninggal dunia lebih awal dari kita serta buat diri kita sendiri. Semoga Allah SWT memberkati ilmu ini untuk kejayaan anda dunia dan akhirat. Saya halalkan ilmu ini, insya-Allah. Al-Fatihah.

Semua mereka yang berjaya mempunyai beberapa persamaan dan antaranya ialah, mereka mempunyai disiplin atau rutin yang mendekatkan mereka kepada kejayaan serta impian mereka.

Formula-formula yang dikongsikan ini jika diamalkan dengan konsisten, insya-Allah mampu membantu anda memperbaiki kolam jiwa anda serta menjadikan hidup anda lebih bahagia, sihat, kaya, berjaya dan diberkati-Nya.

Semoga berkat istiqamah anda mengamalkan formula-formula ini dan menjadikan ia sebagai kunci pegangan hidup anda, ia bukan sahaja dapat memperbaiki hubungan anda dengan Allah SWT tetapi juga dapat membina kehidupan anda yang luar biasa. Anda dapat memberi manfaat serta inspirasi kepada ramai orang lain terutamanya keluarga dan generasi seterusnya.

Azizan Osman
21 Januari 2015
New York, USA

Dapatkan artikel tulisan saya di
www.AzizanOsman.com

Ikuti saya di :
FB Page : Azizan Osman
Twitter : @drazizanosman
Instagram : drazizanosman
YouTube : Azizan Osman



BAB **1** SATU

The Power of
Sedekah





Saya akan memulakan bab ini dengan satu soalan:

Berapa ringgitkah yang anda sedekahkan setiap bulan? Adakah ia mencapai lima peratus daripada pendapatan anda?

Anda tidak perlu berkongsi dengan saya jawapannya. Cukuplah ia menjadi rahsia di antara anda dengan Tuhan sahaja. Saya hanya berharap sedekah anda lebih daripada itu. Apa yang ingin saya kongsi adalah bagaimana sedekah mampu memberikan impak besar, mengubah keseluruhan kehidupan manusia dengan magis seperti mana yang Tuhan janjikan.

Saya pernah mengalami epifani itu. Kini saya kongsikannya dengan harapan, titik perubahan yang sama akan berlaku dalam hidup anda.

Saya akui, dahulu saya amat liat bersedekah. Jika tabung masjid solat Jumaat lalu depan saya, seringgit sahajalah yang dimasukkan.

Itupun jika tabung duit itu bernasib baik kerana selalunya saya buat tidak endah sahaja.

Lazimnya, hujah yang saya bisikkan adalah, 'orang lain dah banyak sedekah dah'. Jika tersua pengemis tepi jalan, saya cuba elakkannya dengan beralasan, 'kalau seorang sedekah seringgit, setiap hari lalu dua ratus orang, huh! kaya pakcik tu!'

Itulah masalahnya apabila sedekah difahami sebagai 'untung kepada orang lain, rugi kepada diri sendiri'.

Suatu hari saya mendengar tazkirah seorang ustaz di masjid di Kuala Lumpur. Orangnya agak berumur. Kata-katanya diucapkan penuh tenang dan tersusun hingga kita boleh mengesan cahaya kearifan dari ustaz ini. Sungguh, tazkirah ustaz inilah yang menjadi *turning point*, mengubah pandangan saya terhadap kepentingan sedekah.

Saya masih ingat lagi kata-katanya, “apabila kita bersedekah, manfaatnya bukan untuk orang yang menerima tetapi untuk kita.”

Ketika mendengarnya, hati saya membantah dengan mengomel seorang diri, ‘ustaz cakap senanglah.... cuba ustaz sendiri sedekah separuh gaji, tak pengsan tengah bulan dibuatnya....’.

Ajaibnya, ustaz ini seolah-olah dapat membaca apa yang saya fikirkan. Beliau menyambung, “Tuhan menjelaskan :

‘Jika kamu berbuat baik, sebenarnya kamu sedang berbuat baik terhadap diri sendiri dan jika kamu berbuat jahat, maka (kejahatan) itu bagi dirimu sendiri juga’.

(Surah al-Isra’, ayat 7)

Sambungannya lagi, “Apabila kita bersedekah, ia adalah untuk kebaikan diri kita kerana Tuhan akan membalasnya berkali ganda. Balasan dalam bentuk rahmat, maghfirah dan barakah-Nya dalam kehidupan. Dengan bersedekah juga, Allah akan lapangkan setiap rezeki kita.... Maknanya sedekah adalah pelaburan bukannya kerugian...”

Kata-kata terakhirnya iaitu ‘sedekah adalah pelaburan bukan kerugian’ memberi dimensi baru terhadap kefahaman sedekah. Selama ini, kefahaman yang saya anuti lebih kepada ‘jangan sedekah banyak sangat, nanti habis duit. Rezeki bukan senang nak dicari. Lagipun tanggungjawab banyak...’

Kerana itulah saya sering bersedekah dengan duit baki, duit kecil. Jarang sekali sedekah yang dikeluarkan itu nota duitnya besar.

Asyik seringgit-seringgit sahaja. Namun sejak mendengar tazkirah ustaz tadi, saya cuba jadikan sedekah sebagai tabiat, sedekah dengan wang besar kerana paradigma lama tadi bakal digantikan dengan pemikiran baru : ‘Dengan bersedekah juga, Allah akan lapangkan setiap rezeki kita’.

Sedekah memang memiliki kuasa dan impak besar. Melaluinya, Tuhan mampu mendatangkan kepada anda rezeki yang tidak disangka melalui aturan-Nya yang cukup luar biasa. Amati satu cerita yang saya petik dari internet ini. Bacalah dengan hati terbuka kerana percayalah, kesannya amat besar kepada kesejahteraan hati anda.

Begini kisahnya :

Seorang pemuda yang amat miskin terpaksa bekerja sebagai peniaga jalanan untuk membiayai yuran persekolahan. Suatu hari yang sukar, dia berada dalam keadaan tertekan kerana wang di dalam poket hanya berbaki beberapa sen sahaja sedangkan dia sangat kelaparan. Lalu, dia memberanikan diri mengetuk pintu rumah jiran terdekat untuk meminta sedikit makanan. Tetapi hasrat itu terpendam ketika dia melihat seorang anak perempuan muda membuka pintu. Daripada niat asal ingin meminta makanan, kini dia hanya meminta segelas air sahaja.

Gadis itu memandangnya dari atas ke bawah. Dia seolah-olah dapat merasakan pemuda itu sedang berada dalam kesusahan. Ia kemudian bukan memberikannya air, tetapi segelas susu. Pemuda itu menerimanya dengan penuh syukur dan minum perlahan-lahan. Terasa susu itu telah menghilangkan rasa laparnya.

Kemudian dia bertanya, “Berapa harga susu ini?”

“Awak tidak perlu bayar sesen pun”, balas gadis itu. “Ibu saya berpesan untuk tidak menerima apa-apa daripada setiap pertolongan yang dilakukan”.

“Kalau begitu, saya ucapkan terima kasih setulusnya”, balas pemuda itu dengan gembira.

BUKU YANG PENUH DENGAN FORMULA DAN INSPIRASI UNTUK HIDUP LUAR BIASA

"Ustaz, saya masih gagal membeli kebahagiaan", kata Tuan Haji, dengan mata yang tampak berkaca-kaca. Beliau menyambung, "Saya punya anak lima orang, tetapi kami sudah enam tahun tidak cukup 'korum' beraya..."

Saya maklum anak kedua keluarga ini, Ikram sudah lama tidak pulang menjenguk keluarga. Masalah keluarga, kata isteri Tuan Haji. Ikram merajuk apabila teruk dimarahi ayahnya kerana gagal menghabiskan pelajaran di London.

"What do you think I should do Ustaz? What does our religion say about this matter?"

"Apa kata Tuan Haji gantikan sedekah? Sebab yang saya faham dari nasihat Rasul, sedekah ibarat formula mujarab untuk apa jua masalah. Ia perisai harta, penyembuh penyakit, menghindar masalah dan penenang hati..."

Tuan Haji mengangguk bersetuju. Perkara pertama yang dilakukannya ialah membantu anak setinggan di sekitar kediamannya. Hampir semua anak yang menduduki peperiksaan penting dihantar tuisyen. Beliau yang membiayai semua yuran mereka.

Akhirnya, jawapan dari Tuhan tiba. Pagi hari raya ketiga tahun berikutnya, tidak semena-mena isteri Tuan Haji menelefon saya, "Ustaz wajib datang beraya rumah saya hari ini! Ikram dah balik semalam. Saya ingin sekali Ustaz berkenalan dengannya..."

Dari suaranya itu, saya pasti ia adalah suara kegembiraan seorang ibu yang sudah tujuh tahun hilang. Petangnya ketika bersembang dengan Tuan Haji, saya dapat rasakan 'puzzle' kebahagiaan yang telah lama hilang kembali menjelma.

Kata Tuan Haji "Alhamdulillah, semalam saya tidur paling nyenyak. Tujuh tahun Ustaz, *something missing* dari isteri saya. Semalam saya melihatnya kembali semula menjadi ibu rumah tangga ini. Kopi khas Sabah yang selama ini tidak pernah dibancuh, semalam saya dapat merasainya semula. Saya tahu Ikram sejak kecil sukakan kopi itu..."

Begitulah pembaca budiman, kisah luar biasa bagaimana salah satu formula buku ini menunjukkan keajaibannya. Anda akan terinspirasi dengan pelbagai kisah dari 25 formula hidup luar biasa yang akan membantu menjawab segala persoalan hidup yang selama ini menghantui anda :

- Mengapa saya mencuba berkali-kali tetapi masih tidak berjaya?
- Setelah mengecapi kejayaan, mengapa saya seolah-olah tersekat ketika hendak mencapai kejayaan lebih besar?
- Mengapa hati sering runsing, kurang bahagia walaupun segalanya sudah dicapai? Seolah-olah ada *something missing somewhere*?

Kesemua formula ini merupakan 'rahsia dalam rahsia' yang dikumpulkan hasil pengamatan dari prinsip dan cara hidup manusia luar biasa. Mereka yang cemerlang, kaya, bahagia, diberkati dan diredai Ilahi. Yakinlah, ia berkesan untuk mengubah anda menjadi manusia berbeza daripada sebelum ini.

Menjadi manusia luar biasa.

ISBN 978-967-0703-25-1



9 789670 703251

RM45.90 (Sem. Malaysia)
RM48.90 (Sabah & Sarawak)

*Richworks*TM
PUBLICATIONS